

Kerajaan hargai khidmat wartawan

BH 13 DEC 1983

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini merakamkan penghargaan kerajaan kepada media massa dan wartawan Malaysia kerana menjalankan tugas dan khidmat mereka dengan penuh tanggungjawab dan profesional.

Perdana Menteri berkata, pada keseluruhannya, media massa negara ini telah menjalankan tugas masing-masing dengan penuh tanggungjawab, sensitif akan keadaan di mana mereka bergerak, serta berhati-hati dan cermat dalam laporan-laporan yang dibuat.

Berucap di majlis penyampaian Hadiah Kewartawanan Malay-

sia, di sini, beliau memberi contoh laporan akhbar-akhbar dan wartawan mengenai pindaan Perlembagaan yang disifatkannya sebagai "menunjukkan kedewasaan dan kematangan mereka dalam membuat laporan."

Katanya, walaupun ada pihak-pihak tertentu yang mempunyai bermacam cerita yang menarik, menghairahkan dan sengaja disebar dengan tujuan untuk mendapat tempat di dalam akhbar, "tetapi akhbar-akhbar kita tidak rela memakan umpan ini."

"Ini adalah bukti yang jelas tentang profesionalisme para wartawan kita," ujarnya.

Beliau menambah, mereka tidak rela menjadi alat kepada golongan

yang mempunyai tujuan tertentu yang bertentangan dengan kehendak ramai.

Datuk Seri Dr Mahathir berpendapat, media massa tempatan telah benar-benar sedar akan tanggungjawab utama mereka kepada masyarakat dan negara.

Sikap

Sebaliknya, Perdana Menteri membidas beberapa wartawan Malaysia yang berkhidmat dengan akhbar asing serta media massa Barat kerana tidak memberikan laporan yang tepat dan benar.

Katanya, sikap dan tanggungjawab akhbar tempatan tidak menyenangkan beberapa wartawan Malaysia yang mendapat upah daripada akhbar asing.

"Orang-orang ini, teru-

tama yang berasa kecewa kerana tidak mendapat sesuatu bagi diri sendiri di masa berkhidmat dalam negara, tidak jemu dengan memutarbelitkan berita negara sendiri, supaya bahu mereka ditebuk oleh tetuan asing mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tidak lama dulu beliau telah menulis satu rencana yang disiarkan dalam akhbar *The New Straits Times* berkenaan pandangannya terhadap akhbar dan pemberita.

"Tulisan saya itu agak kritikal sedikit terhadap akhbar dan peranan wartawan," katanya.

Menurutnya, beliau menyebutkan rencana itu kerana dalam majalah *TIME* keluaran minggu lepas, ada satu rencana mengenai pandangan orang-orang

Amerika terhadap akhbar dan pemberita mereka.

Antara lain, rencana itu menyatakan, "Soalan yang paling utama ialah: Bolehkah anda percaya apa yang anda baca atau lihat? Kewibawaan semua wartawan dicemar dalam tahun 1981 apabila pemberita Janet Cooke dari *Washington Post* diarah memulangkan Hadiah Pulitzer yang dimenangkannya selepas mengaku beliau telah mereka rencana "Dunia Jimmy", yang mengisahkan seorang penagih dadah berumur lapan tahun.

"Sebulan kemudian, penulis ruangan khas Michael Daly dari *New York Daily News* mengakui beliau telah mereka nama seorang tentera British, yang menurutnya, telah menembak seorang kanak-kanak di Belfast.

"Penipuan itu kemudian merebak kepada *New York Times* apabila majalah mingguannya menyiarkan laporan dari Kampuchea oleh wartawan bebas Christopher Jones. Sebenarnya, Jones menulis cerita itu di rumahnya di Spain dan sebahagian darinya diplagiat dari novel tahun 1930 oleh Andre Malraux - *La Voie Royale*."